

Company Name : Destini Bhd
Date : 22 June 2016
Source : Utusan Malaysia

Subsidi Destini dapat kontrak keluarkan kenderaan rel RM62 juta

KUALA LUMPUR 21 Jun - System Enhancement Resources & Technologies Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Destini Bhd. (Destini) memperoleh kontrak mengeluarkan rel pertama bernilai RM62 juta daripada Kementerian Pengangkutan.

Dalam kenyataannya, Destini, penyedia penyelesaian kejuruteraan bersepadu terkemuka Malaysia berkata, kontrak itu adalah untuk mereka bentuk, mengeluarkan, membekal, menyerah, menguji serta mentauliah satu troli bermotor baharu dan satu kenderaan rel jalan baharu untuk Keretapi Tanah Melayu Bhd.

Kontrak itu dijangka mengambil masa dua tahun dan siap pada Julai 2018 dan dengan kontrak itu, nilai kontrak dalam tangan Destini kini kira-kira RM730 juta, tambahnya.

Pengarah Urusan Destini, Datuk Rozabil Abdul Rahman berkata,



kami berharap untuk mengembangkan skop kerja ke dalam bidang baharu dalam sektor rel.”

ROZABIL ABDUL RAHMAN
Pengarah Urusan Destini

dengan memanfaatkan kepakaran kumpulan dalam sektor penerbangan dan marin, kumpulan itu mengalih perhatian kepada sektor rel.

“Kami gembira usaha kami telah membuahkan hasil kerana pemberian kontrak ini menandakan penglibatan pertama kami dalam sektor rel.

“Dengan peluang yang diberikan bagi menunjukkan keupayaan kami, kami berharap untuk mengembangkan skop kerja ke dalam bidang baharu

dalam sektor rel,” katanya.

Rozabil berkata, kumpulan akan mengemukakan lebih banyak tender untuk penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) rel, serta projek pengeluaran dan berharap mendapat lebih banyak kontrak dalam tahun ini.

Menurutnya, apabila kumpulan mempunyai asas yang kukuh di peringkat tempatan, ia merancang untuk mengembangkan perniagaan berkaitan rel di seberang laut.

“Dengan menambah pelbagai keupayaan baru kepada kumpulan, kami merancang meletakkan diri kami sebagai peneraju penyedia MRO dan perkhidmatan pengeluaran untuk sektor penerbangan, marin dan rel.

“Kami menasarkankan portfolio kerja yang seimbang dalam semua sektor terbabit dalam beberapa tahun akan datang,” tambahnya. - BERNAMA